

Hargai kenyataan PM mengenai kebebasan beragama — Fong

UM 19 MAY 2000

SUBANG JAYA 18 Mei — Masyarakat berbilang kaum dan agama digesa menghargai kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenai kebebasan rakyat negara ini menganut agama pilihan mereka.

Naib Presiden MCA, Datuk Dr. Fong Chan Onn berkata,

dengan kebebasan beragama itu juga akan dapat melahirkan suasana yang aman sekali gus menjurus kepada perpaduan masyarakat berbilang kaum.

Beliau yang juga Menteri Sumber Manusia menyatakan demikian ketika berucap merasmikan bangunan baru

Persatuan Penganut Buddha, Subang Jaya sempena Hari Wesak, di sini hari ini.

Dr. Mahathir dalam perutusan sempena Hari Wesak semalam berkata, perayaan tersebut merupakan manifestasi kebebasan beragama di Malavsia yang memnunyai rakyat berbilang kaum.

“Penganut Buddha di negara ini telah berjaya membuktikan bahawa mereka komited terhadap membina persekitaran kehidupan bermasyarakat yang aman dan harmoni bersama rakyat Malaysia yang beragama lain,” kata Perdana Menteri.